

18 DEC 2003

Sukan-F1/I

JANGAN AMBIL MUDAH PERSIAPAN BAGI PERLUMBAAN F1 - Mokhzani

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Semua pihak yang terlibat dalam penganjuran perlumbaan F1 Malaysia diingatkan supaya tidak mudah berpuas hati dengan persiapan yang dibuat bagi Grand Prix Malaysia Petronas 2004 kerana mereka memikul tugas negara bagi mengekalkan tahap kejayaannya yang tinggi.

Pengerusi Sepang International Circuit (SIC) Datuk Mokhzani Mahathir berkata mereka tidak sepatutnya bersikap sambil lewa berikutan kejayaan yang dicapai dalam lima Grand Prix sebelum ini.

Ketika mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa penganjur acara itu hari ini, beliau berkata Malaysia telah membina reputasi kukuh dalam perlumbaan F1 dan dihormati dunia kerana kemampuannya menganjurkan sukan itu.

"Syukurlah semuanya berjalan lancar pada lima perlumbaan lepas, tetapi adalah berbahaya sekiranya kita bersikap terlalu leka bagi acara 2004 ini. Kita telah menetapkan tahap yang begitu tinggi hingga diiktiraf oleh masyarakat F1. Oleh itu, kita perlu kekalkan reputasi ini dan jadikan acara pada 2004 lebih berjaya," kata Mokhzani, yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur acara berkenaan.

Grand Prix Malaysia Petronas 2004 akan diadakan di Litar Sepang dari 19 hingga 21 Mac akan datang dan Malaysia menjadi tuan rumah pusingan kedua perlumbaan bertaraf dunia ini yang akan membuka tirai barunya di Melbourne, Australia pada 7 Mac.

Sambil menyifatkan keseluruhan urusan penganjuran bagi perlumbaan pada tahun ini berjalan lancar, Mokhzani, yang mengambil alih jawatan daripada Tan Sri Basir Ismail bulan lepas bagaimanapun berkata pengurusan aliran lalulintas perlu diperbaiki.

"Lalulintas menjadi isu pada perlumbaan F1 tahun ini. Kita perlu pastikan wujudnya pengurusan lalulintas yang lebih baik bagi 2004," katanya.

Sementara itu, SIC berjanji akan menyediakan sebuah kereta F1 bagi kegunaan pasukan perubatan dan ekstradikasi pada sesi latihan bagi Grand Prix Malaysia Petronas 2004.

Mesyuarat itu juga mengambil keputusan untuk terus mengadakan pertunjukan udara sempena perlumbaan berkenaan yang akan dijayakan oleh enam jet pejuang F-8.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Multimedia dan Telekomunikasi atas kecemerlangannya dalam mengendalikan urusan telekomunikasi sepanjang lima perlumbaan F1 di Malaysia sebelum ini, Mokhzani melahirkan harapan agar pasukan dari suruhanjaya itu terus mempamerkan prestasi cemerlang mereka yang telah mendapat pujian FIA.

Jabatan Imigresen pula berjanji akan menyediakan dua lorong khas bagi mereka yang terlibat dengan F1 di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk memudahkan urusan kemasukan mereka ke negara ini sempena perlumbaan itu.

Mokhzani juga berkata kerajaan memberi kelonggaran terhadap peraturan mengenai iklan tembakau di Litar Sepang bagi membolehkan syarikat rokok meletakkan iklan semasa berlangsungnya perlumbaan F1 akan datang.

-- BERNAMA

AHA AHH SP RON